

Misi Giso dedah mahasiswa erti kerjasama

MELAPORKAN DARI KEMBOJA

HASINA KAMALUDDIN

KG AMBEL- Sehariian melalui perjalanan panjang dari Prom Penh, kelmarin bermulanya misi Prihatin Kemboja dari peserta Global Islamic Student Outreach 2014 (Giso) dari Universiti Sains Islam Malaysia (Usim).

Seawal jam 8 pagi (9 pagi waktu Malaysia) kanak-kanak beratur menunggu apakah akan diberikan kepada mereka.

Menurut pemilik tempat penginapan, Hanafi Saleh, begitulah keadaannya apabila diketahui ada tetamu dari Malaysia. Tidak hanya kanak-kanak, malah yang dewasa juga menjangkakan ada 'hadiah' untuk mereka.

Peserta Giso terdiri daripada 25 mahasiswa ini sudah bersedia memulakan misi mereka.

Pengarah program, Muhammad Zakwan Hanif Rahim berkata, untuk memudahkan misi, peserta dibahagikan kepada empat kumpulan.

"Antaranya kumpulan prihatin, kesihatan, telaga dan dakwah tarbiyah.

"Kami mahu memanfaatkan masa yang ada dengan cuba memberikan seberapa banyak sumbangan tenaga kami kepada penduduk di sini," katanya kepada *Sinar Harian*.

Katanya, kumpulan kesihatan menumpukan kepada pemeriksaan kuku kepala kanak-kanak.

"Diketahui tahap kesihatan mereka di sini kurang terjaga, ramai kanak-kanak yang dijangkiti kuku, jadi kami membuka kaunter pemeriksaan dan mencuci



Sumbangan seperti set telekung, kain batik dan wang RM30 diberikan kepada penduduk.

rambut dengan syampu khas memati-kan kuku.

"Selesai, mereka diberikan kit kebersihan. Selain itu, kanak-kanak ini juga diberikan baju yang kami kumpul sebelum ini," katanya.

Katanya dalam masa sama, tiga lagi kumpulan bergerak serentak iaitu prihatin dengan mengagihkan keperluan sembahyang kepada ibu tunggal dan warga tua.

"Mereka diberi telekung, kain pelekat dan batik. Ada juga sumbangan wang belanja sebanyak RM30 untuk sebulan.

"Al-Tusam Program Relief (ARP) banyak membantu kami dalam merealisasikan impian kami," katanya.

Tambahnya, mereka bersyukur dalam masa sebulan, Giso 2014 dapat me-

ngumpul dana hampir RM11,000.

"Kami bergerak ke masjid mengumpul dana, biasanya hari Jumaat. Ada juga kami dapatkan daripada mahasiswa universiti," katanya.

Dalam pada itu Timbalan Dekan Fakulti Sains dan Teknologi Usim, Prof Madya Norita Md Norwawi yang ditemui sebelum berlepas ke Kemboja berkata, program yang dianjurkan ini boleh memberi pendedahan kepada mahasiswa bekerja dalam kumpulan.

"Usim sentiasa membuka peluang kepada semua mahasiswa untuk memahami kehidupan masyarakat luar yang susah.

"Dengan ini mereka akan faham dan lebih bersyukur dengan apa yang mereka miliki sekarang," katanya.